

Global Conferences Series:

Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH), Volume 4, 2020

International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020

DOI: <https://doi.org/10.32698/GCS-04308>

SKM-KVS Pre-Pilot Program for Pastry Making: Pastry Production Skills by Special Needs Pupils (MbK) in Tvet Curriculum Collaboration with Sungai Petani Community College

Syazwani Ahmad^a, Wan Norafadila Wan Abdul Jalil^b & Reezlin Abdul Rahman^c

^{a,c} Kolej Komuniti Sungai Petani,
77, Lengkok Cempaka 1, Pusat Bandar Amanjaya,
08000, Sungai Petani Kedah, Malaysia
syazwanikksp@yahoo.com +6017-4358193
riezman_kksp@yahoo.com +6019-4744699

^bSekolah Menengah Kebangsaan Air Merah, Jalan Perdagangan,
09000 Kulim Kedah, Malaysia
wannorafadila@gmail.com +6012-3425048

Abstract : The implementation of Tvet (Technical and Vocational Education and Training) in Malaysia is growing rapidly in Malaysia. Most of the study centers offer a wide range of skills for students who are interested in various courses, including modular-pastry courses. However, for special needs students, a modest functional learning (medium function), and pastry skills are one of the branches that can provide a bright future opportunity for them. Pastry making is seen as the best medium for them to start a step to a higher level of food and beverages. However, not all students, especially disable students who able to fulfill the modules and are facing difficulties to receive training in view of the lack of teaching and learning process in a shorter time .Hence, a pilot study was carried out in a modular program, which is implemented by the school by collaboration with the Sungai Petani Community College. The collaboration Program is planned for three years to meet the accreditation requirements of Malaysian skills certificate for Students ' special needs learning. The overall findings of qualitative study involving four teachers with the pilot program helped not only to figure out the effectiveness of the program but also provide a basic model of skill learning patterns that can be followed by other schools running this MBK program. The stimulus from the instructor, module and facilities contribute to positive learning outcomes as well as to provide the relevant impact to special need students.

Keywords: Pastry skill; MBK; Tvet SKM-KVS; Sungai Petani Community College

PENGENALAN

Peruntukan bagi sektor pendidikan diberi keutamaan dalam Pembentangan bajet tahunan setiap tahun sejak negara mencapai kemerdekaan. Pendidikan yang saksama diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang jantina, bangsa, agama dan kecatatan (Sarabatin, 2020; Berita Harian, 2018). Malaysia sebagai sebuah negara yang memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyatnya dan mengiktiraf hak pendidikan untuk orang kurang upaya (OKU), melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi ruang pendidikan kepada golongan OKU melalui pelaksanaan Pendidikan Inklusif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a). Sehingga kini, golongan OKU telah diberi peluang mendapat pendidikan daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Kementerian Pendidikan Malaysia (2013b). Pelajar khas atau murid

berkeperluan khas (MBK) merupakan murid yang mempunyai masalah dalam menguasai 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira. Manakala Murid Berkeperluan Khas (MBK) merupakan sekumpulan murid yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran dan memerlukan bahan-bahan pengajaran khas, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan – kemudahan yang tertentu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020; Mohd Nasir, 2016). Justeru, Program Pendidikan Khas disediakan dengan tujuan memberi pendedahan kepada pelajar pendidikan khas untuk menguasai ilmu kemahiran hidup agar dapat membantu dalam pembangunan sosio ekonomi mereka (Yusof, 2012). Usaha di pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga melibatkan pembangunan Silibus pendidikan khas dirangka adalah untuk tujuan pembangunan kemahiran hidup (Lokman, Mustafa & Hanafi, 2009) yang diharapkan dapat selari dengan Garis Panduan Perlaksanaan Orang Kurang Upaya (OKU). Seajar dengan hala tuju garis panduan perlaksanaan orang kurang upaya (OKU), pelbagai pelan strategik telah dibentuk untuk memberi ruang dan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) bagi mencapai tahap penguasaan dalam bidang TVET (*Technical and Vocational Education and Training*).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan perancangan pendidikan vokasional khususnya dalam matapelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) bagi Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang diwujudkan sejak tahun 2017 (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM bil. 9, 2016). Pelbagai bidang vokasional telah diperkenalkan dan dipilih oleh Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) untuk murid kefungsi sederhana bagi memenuhi syarat pelaksanaan KSSMPK. Antara bidang KVS yang ditawarkan adalah Bidang Pembuatan Pastrri untuk murid berkeperluan khas (MBK).

MBK dilihat dari mata kaca kementerian pendidikan sebagai aset penting kepada negara dan juga boleh menjadi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Justeru, pihak KPM telah membuka laluan dengan menyediakan program pendidikan vokasional bagi membantu murid-murid berkeperluan khas untuk lebih kompeten dan menyokong bidang TVET sebagai bidang yang bersesuaian untuk MBK ceburi dan mengambil manfaat terhadap keperluan kerja masa kini ataupun menerokai bidang keusahawanan (Mohamad 2019; Yusof, Mohd Ali, & Mohd Salleh, 2013).

Seajar dengan keperluan dan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia, satu program Pra-rintis yang menjurus kepada pendidikan vokasional telah dirancang oleh pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Air Merah, Kulim dimana program ini menggabungkan tiga buah Sekolah Menengah dibawah Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu dengan melibatkan kolaborasi strategik dengan Kolej Komuniti Sungai Petani. Program ini telah dirancang selama tiga tahun iaitu bermula tahun 2019 dan berakhir pada tahun 2021. Pelaksanaan program ini mengikut modul berdasarkan kompetensi pentaauliah Sijil Kemahiran Malaysia Pembuatan Pastrri tahap dua yang termaktub dalam *National Occupational Skills Standard* (NOSS) telah digariskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Secara ringkasnya, NOSS adalah dokumen yang menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2020)

Perkongsian idea dari kolaborasi ini adalah untuk memperkasakan lagi silibus dalam sistem pendidikan khas dan memberi suntikan nilai tambah hasil daripada latihan amali yang dilalui oleh MBK ini. Pelaksanaan program ini dijalankan melalui pembelajaran secara amali di Kolej Komuniti Sungai Petani melalui proses perancangan yang tersusun bagi dijadikan contoh atau garis panduan rintis untuk pelaksanaan program MBK agar garis panduan ini dapat digunakan dengan lebih meluas oleh sekolah-sekolah yang menjalankan program MBK dimasa hadapan. Program rintis diharapkan dapat menjadi model permulaan latihan kemahiran untuk program MBK di sekolah lain kelak.

PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Program Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi murid masalah pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a; Abdullah, 2017). Program ini di wujudkan di sekolah harian biasa diperingkat rendah dan menengah (Mohd Jamil, 2019). Selain daripada sekolah harian biasa yang mempunyai kelas PPKI menengah dan melaksanakan subjek KVS Pembuatan Pastrri, kementerian juga telah mewujudkan beberapa buah sekolah Vokasional pendidikan khas bagi memenuhi keperluan dan kehendak kerajaan untuk membuka peluang dan mengetengahkan murid-murid keperluan khas dalam bidang TVET (Mohd Nasir, 2016).

Namun begitu, persaingan untuk merebut tempat di sekolah vokasional pendidikan khas dan jarak yang jauh menjadi isu utama MBK di PPKI kurang berminat untuk memohon ke sekolah vokasional tersebut (Amran, Majid, Abd, & Mohd.Ali, 2019). Oleh itu, peluang MBK untuk mendapatkan SKM adalah tipis kerana di PPKI tidak merupakan Pusat Bertauliah untuk pensijilan SKM. Disebabkan permasalahan seperti diatas maka wujudlah program pra-rintis ini dimana dengan perancangan dan kolaborasi, murid MBK yang belajar di PPKI akan menjalani latihan amali selama tiga tahun seterusnya mendaftar untuk pentaauliah di Kolej Komuniti selama lapan bulan bagi memenuhi syarat ketrampilan pensijilan SKM tahap 2.

Komitmen yang diberikan dalam kolaborasi ini dimeterai melalui sebuah perjanjian *Notes of Understanding* (NOU) antara PPD Kulim Bandar Baharu dan Kolej Komuniti Sungai Petani yang telah ditandatangani pada 28 Julai 2019. Tujuan utama perjanjian kolaborasi ini adalah untuk memberi nilai tambah bagi murid berkeperluan khas di sekolah kerana kemudahan di Kolej Komuniti Sungai Petani dikatakan mempunyai prasarana dan tenaga pengajar yang kompeten dalam pengajaran dan pembelajaran vokasional. Selain dari itu, modul yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran semasa latihan amali adalah berpandukan NOSS Sijil Kemahiran Malaysia Pembuatan Pastrri tahap dua. NOSS Sijil Kemahiran Malaysia Pembuatan Pastrri tahap dua ini juga digunakan di Kolej Komuniti Sungai Petani sebagai modul Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran. Disamping itu juga, keadaan pelajar OKU di Kolej Komuniti Sungai Petani yang mempunyai pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang melanjutkan pendidikan mereka dalam bidang pembuatan pastrri juga serba sedikit akan menjadi sumber inspirasi kepada MBK ini untuk meneruskan pembelajaran amali mereka kelak.

Walaupun bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang dilihat memberi cabaran kepada program pra-rintis ini di jalankan. Beberapa persoalan yang timbul seperti; i) Sejauh manakah impak program ini terhadap murid berkeperluan khas?; ii) Adakah fasiliti yang disediakan boleh digunakan semaksimumnya? dan; iii) Bagaimanakah kemahiran yang dipelajari dapat dikembangkan sebaik mungkin?

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada persoalan yang timbul satu kajian telah dijalankan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan program setelah tamat fasa pertama dan impaknya dalam memenuhi keperluan KSSMPK KVS Pembuatan Pastrri sekaligus pensijilan SKM tahap dua bagi murid berkeperluan khas. Dapatan kajian juga akan dibuat model ringkas agar dapat digunakan oleh guru-guru MBK lain kelak

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan Pelaksanaan program pra-rintis MBK terhadap kurikulum kemahiran vokasional spesifik pembuatan pastrri yang dijalankan dengan kolaborasi diantara PPD Kulim Bandar Baharu dan Kolej Komuniti Sungai Petani. Disamping tu, maklumat dapatan kajian juga akan disusun dalam bentuk model agar pelaksanaan program MBK ini dapat dijadikan standard yang boleh diikuti oleh sekolah-sekolah lain. Kajian ini mempunyai beberapa objektif tiga objektif iaitu:

- a) Mengetahui keupayaan kemahiran MBK hasil program rintis ini.
- b) Mengetahui sejauh mana penggunaan fasiliti yang disediakan membantu dalam program MBK ini.
- c) Mengetahui keberkesanan Modul MBK yang dijalankan oleh program MBK ini.
- d) Mengetahui keberkesanan pengajaran oleh tenaga pengajar program MBK.

TINJAUAN LITERATUR

Murid Berkeperluan Khas

Murid keperluan khas didefinisikan sebagai golongan murid yang memerlukan keperluan khas atau pendekatan tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran (Mohamad, 2019). Murid-murid (MBK) terdiri daripada murid-murid yang mengalami kesukaran belajar dan memerlukan pengubahsuaian kepada kurikulum dan kaedah mengajar supaya mereka dapat merialisasikan potensi mereka (Omar & Sulaiman, 2018; Heward & Ohio, 2015). Selain itu juga murid berkeperluan khas ini bukan sahaja mempunyai masalah dalam pembelajaran tetapi juga terhadap tingkah laku, seperti masalah neurological, fizikal, psikologikal dan masalah persekitaran untuk mengesuaikan diri masing-masing (Shaharum & Rosli, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a). Murid berkeperluan khas agak sukar untuk mencorak masa depan mereka kerana limitasi dalam pembelajaran dan sukar untuk bersaing dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Yusof, Mohd Ali, & Mohd Salleh, 2013). Menurut satu kajian oleh Peterson (2015) pelajar yang kurang upaya telah dikesualikan daripada kurikulum perdana sekolah menengah serta perlu diberi peluang kemahiran dalam kursus perkhidmatan yang akan menyediakan mereka untuk berintegrasi di tempat kerja dan komuniti.

Komitmen negara dalam memberi ruang kepada murid berkeperluan khas ini dapat dilihat dengan adanya pelaksanaan Pendidikan secara inklusif kepada murid berkeperluan khas. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a). Selain itu dalam ucapan Menteri pendidikan YB Dr Masleez Malik pada tahun 2019 kementerian telah melaksanakan dasar Sifar Penolakan (Zero Reject Policy) secara menyeluruh bagi murid berkeperluan khas (Malik, 2019). Dengan melaksanakan Dasar Sifar Penolakan ini adalah bertujuan untuk memberi hak samarata kepada golongan OKU di Malaysia.

Sejajar dengan Komitmen negara terhadap golongan OKU, Visi Pendidikan khas ialah dengan menyediakan kemudahan Pendidikan yang berkualiti selari dengan sistem Pendidikan negara iaitu dengan membangunkan modal insan yang cemerlang berdasarkan empat prinsip iaitu sistem Pendidikan yang berkualiti, relevan dan menyeluruh. Kedua perkembangan potensi diri ke tahap yang optimum, keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran pintar dengan pelbagai pihak (Nasri, Hamzah, & Udin, 2010). Selain itu bantuan dari segi kewangan juga telah di

sediakan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan OKU ini. Bantuan Pendidikan diberikan kepada murid-murid sekolah hinggalah kepada pelajar IPT OKU. (My GOV Portal, 2019) Perbagai usaha di lakukan bagi golongan OKU ini supaya mereka tidak di pinggirkan bermula dari awal persekolahan, iaitu dari peringkat rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi IPT.

Selain dari segi Pendidikan, aspek dari segi frasarana dan fasiliti bagi Murid keperluan khas juga perlu di berikan penekanan. Infrastruktur yang kurang mesra OKU juga merupakan halangan bagi murid berkeperluan khas ini bergerak dan berkembang. Halangan-halangan ini telah menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia, Ucapan YB Dr Masleez Malik mengatakan di dalam ucapan garis panduan perlakasanaan dasar inklusif orang kurang upaya Pendidikan Tinggi Malaysia 2019 pihak institusi perlu menyediakan pelan jangka pendek dan jangka Panjang bagi memastikan frasarana untuk golongan OKU ini di capai secara berperingkat dalam 10 tahun akan datang (Malik, 2019). Tidak di nafikan prasana dari segi pengajaran dan pembelajaran, kelengkapan untuk belajar di tahap yang memuaskan (Nasri, Hamzah, & Udin, 2010). Tetapi bagi kemudahan fizikal untuk kegunaan golongan OKU masih perlu di perbaiki bersesuaian dengan kegunaan murid berkeperluan khas.

Keperhatikan Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius dalam memperkasakan keperluan MBK ini. Pelbagai usaha dan dan gars panduan telah di keluarkan untuk menjadikan Pendidikan khas ini selaris dengan aliran perdana (Malik, 2019).

TVET

Pendidikan merupakan salah satu sektor yang diberikan keutamaan dalam pembangunan sesebuah negara. Pendidikan yang bersifat menyeluruh adalah sebuah sistem yang holistik bukan sahaja terhadap pembelajaran laluan biasa tetapi juga laluan teknikal dan pendidikan khas. Pendidikan yang khusus dan bersesuaian dengan kebolehan murid-murid berkeperluan khas ini perlu di sediakan agar golongan ini dapat dibela dari aspek masa depan ekonomi dan sosial mereka. Justeru, Kementerian pendidikan juga tidak ketinggalan menyediakan MBK ke arah Teknik dan Vokasional dalam silibus kurikulum mereka (Nasri, Hamzah, & Udin, 2010). TVET merupakan singkatan daripada *Technical and Vocational Education Tranning* atau lebih di kenali sebagai pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Hassan 2019). Pendidikan TVET di definisikan sebagai proses pendidikan dan latihan yang berteraskan kemahiran serta memberi penekanan utama terhadap amalan industri (Ismail & Hasan 2013).

Berdasarkan kajian UNESCO (2006) mendefinisikan pendidikan teknik dan vokasional sebagai salah satu bidang pendidikan, dan ia merupakan satu platform untuk persediaan ke alam pekerjaan. TVET juga di kenali sebagai menyediakan latihan kepada pekerja yang berkemahiran untuk di pasarkan di sektor pekerjaan yang berkemahiran.

Perkembangan TVET ini boleh di lihat dalam sistem pendidikan negara-negara maju seperti German, Japan, Korea Selatan dan Singapura yang mana sistem pendidikan lebih berteraskan teknikal dan vokasional (Bakar, 2019). Jesteru, Kementerian Pendidikan Malaysia juga tidak ketinggalan mengikuti jejak langkah negara maju. Program pendidikan khas pada peringkat awal ke arah TVET telah diolah dan diberikan pendedahan untuk menguasai kemahiran hidup untuk sekadar mendepani keperluan hidup. (Amran, Majid & Mohd Ali, 2019). Sejar dengan arus kemodenan murid berkeperluan khas juga mempunyai nilai eset bagi negara dan sekaligus dapat menyumbangkan ekonomi negara, pihak kementerian pendidikan telah menyediakan program pendidikan Teknik dan Vokasional kepada murid berkeperluan khas. (Malik, 2019; Mohamad, 2019).

Di lihat dari segi keperluan TVET bagi MBK pelbagai usaha di lakukan oleh Kementerian Pendidikan di Malaysia dengan menstrukturkan semula kurikulum pendidikan khas berdasarkan keperluan TVET dan di bahagikan kepada tiga aliran latihan vokasional yang dilaksanakan di peringkat persekolahan menengah dan murid berkeperluan khas (Kementerian Pendidikan, 2013). Perkembangan TVET dalam sistem pendidikan boleh di lihat dengan tertubuhnya empat buah sekolah vokasional khas di seluruh negara. (Mohamad, 2019). Peluang pekerjaan yang meningkat dalam pekerjaan perkhidmatan seperti industri hotel iaitu penyediaan makanan dan minuman membuka peluang yang besar kepada individu yang menceburi bidang tersebut, (Che Hassan., Mahamad & Md Noor (2013). Oleh itu, Malaysia perlu menyusun semula tenaga kerja mereka untuk memastikan bahawa pekerja peringkat pertengahan sangat mahir untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dengan bukan hanya melibatkan sumber tenaga pekerja yang berkeupayaan tinggi tetapi juga perlu melonjakkan sumber tenaga berkeperluan khas agar dapat menyokong produktiviti guna tenaga negara (Malik, 2019). Kesimpulannya, pendidikan di dalam bidang TVET memainkan peranan penting dalam membentuk murid berkeupayaan biasa dan juga seharusnya tidak melupakan murid berkeperluan khas agar dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

SKM - KVS

Sekolah Pendidikan Khas merupakan satu institusi pendidikan untuk pelajar berkeperluan khas bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran tertentu. Sejar dengan itu dalam konteks Plan Stategik Pendidikan Tinggi Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah dibentuk untuk mewujudkan Malaysia negara maju dan berpendapatan (Che Rose, 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Di dalam amanat

Menteri pendidikan, TVET perlu di bentuk selari dengan keperluan industri untuk melahir dan meningkatkan kemahiran pelajar (Nordin, 2011).

Salah satu untuk menjadikan bidang TVET ini relevan adalah melalui persijilan Kemahiran Malaysia. Sijil Kemahiran Malaysia adalah salah satu badan pengiktirafan yang di berikan kepada pelajar yang kompeten dan dapat melaksanakan tugas yang di berikan mengikut NOSS yang telah di tetapkan (Jabatan Kemahiran Malaysia, 2020) Sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan kompetensi untuk prestasi kerja yang berkesan, Persijilan Kemahiran Malaysia diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia yang menyediakan program latihan berasaskan kompetensi yang memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan berdasarkan potensi pekerja, (Bakar, 2017).

Oleh hal demikian, satu program bermodul yang merupakan program transisi kerjaya telah dilaksanakan iaitu program pra-rintis SKM-KVS pembuatan pastri. Murid berkeperluan khas (MBK) boleh menimba pengalaman dan membina kemahiran semasa program ini dilaksanakan di sekolah yang mana program ini direka untuk melatih murid secara amali dan mendedahkan mereka dengan suasana sebenar persekitaran kerja. Program transisi ini membantu murid berkeperluan khas melanjutkan pelajaran selepas tamat sesi persekolahan mereka dalam bidang kemahiran seterusnya memenuhi pasaran kerja. Selain itu, program ini juga membuka peluang keusahawanan kepada murid yang terlibat dengan penghasilan produk pastri dan penjualan secara kecil-kecilan untuk menjana pendapatan.

Kemahiran Pastri

Di dalam konteks pembelajaran di Malaysia, MBK di tekankan kepada kebolehan, kefungisian, kemahiran perkembangan, penguasaan dan pencapaian murid dan ia lebih merujuk kepada perkembangan kemahiran (*development skills*) (Nasir, Hamzah & Udin 2010). Oleh yang demikian perancangan untuk menyediakan kurikulum amat penting bagi melihat kecenderungan pelajar MBK (Shahrom & Rusli, 2018) dan mencungkil minat mereka untuk bekerja dan berniaga secara kecil kecilan

Kemahiran di definisikan sebagai kecekapan atau kepandaian dalam sesuatu bidang yang terhasil dari ketrampilan kecekapan dan pengetahuan guna tenaga di dalam bidang teknikal yang melibatkan penggunaan kognitif, psikomotor dan penggunaan sumber yang berkesan dan perlu di latih (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018) Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta serasi dengan kemampuan pelajar berkeperluan khas dijangka dapat mempertingkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran yang dipelajari (Amran, Majid & Mohd Ali, 2019). Salah satu program yang menarik minat MBK adalah bidang pastri yang bukan sahaja boleh dijadikan bidang pekerjaan sebagai mata pencarian ekonomi mereka tetapi juga boleh membantu MBK dalam memasuki dunia keusahawanan kelak. Kemahiran pastri adalah salah satu cabang bidang hospitaliti di dalam penyediaan makanan. Di dalam kemahiran pastri terdapat beberapa topik yang perlu di pelajari dari segi persediaan barang mentah, peralatan, pengeluaran produk dan akhir sekali pemasaran ataupun jualan.

Kolej Komuniti Sungai Petani

Penubuhan kolej komuniti adalah hasil daripada perbincangan dan persetujuan Kabinet pada tahun 2000. Pada Julai 2000 terbentuklah Kolej Komuniti di setiap Kawasan parlimen (Che Hassan, Mahamad, & Md Noor, 2013). Pada peringkat awal sebanyak 10 buah Kolej Komuniti rintis mula beroperasi pada pertengahan Jun 2001 dan 2 buah Kolej Komuniti pada Disember 2001. Sehingga kini sebanyak 103 buah Kolej Komuniti telah beroperasi di seluruh negara menjelang tahun 2020 ini (JPPKK, 2019). Menurut JPPKK lagi, Kolej Komuniti di wujudkan adalah untuk menyediakan pendidikan dan latihan yang berkualiti dan setaraf dengan permintaan industri serta menjadi laluan kepada pelajar lepasan menengah untuk laluan pembelajaran dan kerjaya. Selain daripada itu Kolej Komuniti juga menyediakan pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan, pengetahuan dan ekonomi masyarakat setempat.

Kolej Komuniti Sungai Petani telah di tubuhkan pada bulan Jun tahun 2002 yang menawarkan beberapa kursus kemahiran termasuklah bagi kursus pendidikan khas. Pada 26 Jun 2014, Pihak Pengurusan Kolej Komuniti telah membuka peluang kursus kepada murid berkeperluan khas untuk bersama menimba ilmu di kolej. Disamping itu, Kolej Komuniti Sungai Petani dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran sebagai sebuah pusat latihan vokasional bertauliah yang menyediakan tenaga pengajar kompeten dengan kelengkapan prasarana sebagai pusat latihan bertauliah pembuatan pastri. Selain itu, pelajar MBK Kolej Komuniti Sungai Petani juga boleh menjadikan contoh kepada pelajar-pelajar kerana mereka banyak memenangi pertandingan penghasilan produk pastri untuk pertandingan *world skill* iaitu *Abilympics* sekaligus mewakili Malaysia di pertandingan peringkat antarabangsa di Russia pada tahun 2020.

METODOLOGI

Sampel dan Populasi

Merujuk kepada objektif kajian ini dijalankan, adalah bertujuan untuk untuk mengenalpasti, memahami, dan mempelajari sesuatu perkara yang berkaitan dengan tingkah laku dan pendapat manusia melalui pemerhatian dan tidak memerlukan pengujian secara analisis aritmetik atau statistik. Justeru, pendekatan kualitatif digunakan secara kaedah perbincangan kumpulan berfokus (*focus group*) untuk tujuan pengumpulan maklumat kajian ini.

Populasi dan unit analisis adalah di antara guru-guru yang menguruskan program MBK yang telah pun mengurus dan mengawal selia pelaksanaan program ini disekolah masing-masing. Guru-guru ini dipercayai mempunyai pengetahuan dan sangat berpengalaman di dalam menguruskan pelajar-pelajar MBK serta dapat memberikan maklumat yang relevan mengenai maklumbalas program ini. Seramai empat orang guru yang menguruskan program BMK di tiga buah sekolah melalui program rintis ini telah dipilih untuk perbincangan secara kumpulan ini.

Instrumen Penyelidikan

Satu set soalan perbincangan berfokus kumpulan secara separa berstruktur telah dibangunkan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai keberkesanan program MBK yang berkaitan dengan pandangan dan persepsi guru melihat keupayaan MBK dalam menjalani program rintis ini. Guru-guru ini dipilih berdasarkan keupayaan dan pengalaman yang lama di dalam menguruskan MBK ini. Kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran MBK juga sangat dikuasai dengan baik oleh guru-guru yang telah dilatih khas untuk mengendalikannya murid-murid sebegini.

Soalan separa berstruktur ini dibina secara telus untuk mengelakkan sebarang bentuk '*bias*' atau kecondongan jawapan kepada sesuatu dengan berpusatkan kepada percambahan idea bagi mengetahui sesuatu dan bukannya menetapkan sesuatu jawapan kajian. Dalam erti kata yang lebih tepat, jawapan dari perbincangan kesemuanya ini akan direkod dan dilaporkan mengikut tema. Soalan-soalan ini direka dalam Bahasa Melayu dan secara *directive* iaitu tidak mempunyai maksud kedua atau pembayang jawapan kepada pegawai yang menjawab nanti.

Semua soalan telah dibina oleh penyelidik dalam menjawab objektif kajian. Lima soalan telah ditanya untuk mendapatkan maklumbalas iaitu dari aspek keperluan faktor asas dalam penubuhan serta pengoperasian *IOC* seperti di Jadual 1;

Jadual 1: Soalan Separu berstruktur Perbincangan Berfokus

No	Soalan
1	Melalui pengamatan anda, apakah keupayaan kemahiran MBK yang menonjol terhadap program ini?
2	Apakah pendapat anda terhadap fasiliti yang disediakan oleh pihak Kolej Komuniti SP terhadap pembelajaran program MBK ini?
3	Apakah yang anda dapati tentang pengajaran Modul MBK yang dipelajari oleh pelajar anda semasa belajar Modul Pastru ini?
4	Apakah pendapat anda tentang tenaga pengajar yang mengajar Modul MBK di Kolej Komuniti SP?

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum proses perbincangan kumpulan berfokus dijalankan, lima guru yang dipilih telah dihubungi dan penyelidik telah meminta kebenaran guru-guru tersebut untuk menghadiri perbincangan ini yang dijalankan di Kolej Komuniti Sungai Petani. Pada masa yang sama, surat jemputan dan maklum balas persetujuan juga dihantar kepada guru-guru tersebut melalui sekolah masing-masing. Hasil daripada jemputan tersebut, kesemua guru bersetuju untuk hadir dan menyertai perbincangan di bilik mesyuarat Kolej Komuniti, Sungai Petani. Tarikh dan masa kemudiannya diatur berdasarkan kesesuaian masa guru tersebut. Disebabkan kekangan kerja, guru-guru tersebut bersedia hadir perbincangan pada hari Sabtu. Kesemua guru yang dijemput telah hadir bagi sesi perbincangan tersebut.

Dalam sesi perbincangan kumpulan berfokus, kebenaran untuk dirakam serta direkod perbincangan telah dipohon kepada semua guru dan telah diberikan kebenaran untuk melakukan proses tersebut. Moderator yang dilantik daripada kalangan penyelidik bertanyakan soalan pertama mengikut set soalan separa berstruktur yang telah dibina berdasarkan objektif kajian. Segala percakapan guru direkod menggunakan pita perakam. Sesi perbincangan berlaku selama dua jam dan penyelidik berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh guru-guru

tersebut. Segala laporan dapatan ditulis menggunakan kaedah *pen portray* di mana apa sahaja yang disebut oleh pegawai direkodkan dalam bentuk tulisan. Bagi menjaga kerahsiaan dalam perbincangan ini, nama guru dan rakan suara adalah dirahsiakan demi menjaga privasi guru tersebut.

ANALISIS DATA KUALITATIF

Dapatan maklumat daripada informan-informan melalui perbincangan berfokus kumpulan disusun mengikut tema-tema agar maklumat yang diperolehi mudah untuk dikendalikan serta dijadikan kesimpulan bagi kajian ini.

- a) Nyatakan secara ringkas maklumat demografik dibawah?

BIL	NAMA SEKOLAH	PENGALAMAN	JUMLAH BIMBINGAN MBK	INFORMAN
1	SMK Padang Serai	20 Tahun	4 orang	1
2	SMK Air Merah	11 Tahun	6 orang	2
3	SMK Padang Serai	7 Tahun	4 orang	3
4.	SMK Labu Besar	6 Tahun	4 orang	4

- b) Melalui pengamatan anda, apakah keupayaan kemahiran MBK yang menonjol terhadap program ini?

Tujuan soalan ditanya adalah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan program rintis MBK ini dan mengenalpasti faktor-faktor keupayaan kemahiran MBK yang terhasil semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Informan dua (2) menyatakan:

“yaaa.. emm... dari pengamatan saya murid mempelajari sesuatu yang baru seperti pengenalan peralatan serta latihan amali menghasilkan produk pastri. Mereka teruja untuk melakukan sesuatu dan berusaha untuk menjadikan produk mereka boleh dimakan. Kekuatan dan keupayaan inilah yang kami cari untuk memberi mereka ini harapan kelak... sangat bagus. Sekurangnya, boleh berniaga sendiri nanti....”

Manakala informan satu (1) yang mempunyai pengalaman selama 20 tahun menyokong dan menambah;

“Ishh... betul tu, impaknya sangat besar sekali..... terutama dalam transisi kerjaya murid. Murid dapat mengembangkan bakat mereka selain dapat mencorak masa depan mereka dengan kursus yang diikuti. Mereka dapat melakukan produk dengan ibubapa dirumah. Ini satu perkembangan yang cukup positif. Hinggakan boleh berniaga kecil-kecilan... sekurangnya-kurangnya dapat membantu keluarga menjana ekonomi... patut sangat....”

Seterusnya, ditambah dengan kelebihan yang boleh dinikmati bersama;

“Kemahiran yang diperolehi daripada kursus yang diikuti di bawah bimbingan guru yang bertauliah di Kolej Kominiti SP sangat memberi keyakinan kepada guru dan murid untuk melaksanakan aktiviti dalam PdP di sekolah..... Dan yang lebih best tu..... murid-murid ini .. kami bawa ke pameran-pameran untuk kami menunjukkan bahawa melalui pendidikan, golongan kurang upaya juga dapat dididik... program rintis ini membantu menjadikan MBK sebagai agen perubahan golongan OKU... itu sesuatu terlalu eksklusif untuk golongan ini....ya...”

Informan tiga (3) menambah sesuatu yang menguatkan lagi Impaknya;

“Dan... dan.... Lagi satu, ada pelajar saya yang saya bawa untuk menyertai program dan pertandingan inovasi... dan mereka dapat buat... walaupun perlahan sedikit pergerakan proses kerja, tapi dengan bimbingan guru dan rangsangan kerja berkumpulan mereka mampu buat walaupun tidak sehebat murid biasa.... Usaha kearah inovasi itu mula dapat di lihat pada beberapa orang murid saya.”

Hasil daripada soalan ini, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa kejayaan ataupun impak dari perjalanan program rintis ini. Berdasarkan kepada perbincangan informan diatas, beberapa kejayaan diraih di dalam program MBK ini iaitu; a) mempunyai keyakinan untuk membuat produk pastrri disekolah; b) mengasah bakat keusahawanan sebagai satu alternatif kerjaya kelak; c) menyumbang kembali kepada keperluan masyarakat dengan menjadi agen kepada perubahan rakan OKU yang lain dan; d) melatih untuk menjadi pemikiran lebih kreatif sebagai permulaan kepada usaha kearah inovasi.

- c) Apakah pendapat anda terhadap fasiliti yang disediakan oleh pihak Kolej Komuniti SP terhadap pembelajaran program MBK ini?

Tujuan soalan fasiliti ditanya adalah untk mengetahui sejauhmanakah keadaan fasiliti di Kolej Komuniti Sungai Petani dapat membantu pembelajaran program MBK ini dan mengenalpasti faktor-faktor fasiliti yang perlu ada untuk menjalankan program MBK ini.

“Dari aspek fasiliti amat baiklah dari sekolah... betul dak kawan-kawan? Fasiliti sangat lengkap dan selesa kerana peralatan disusun dan dilabel dengan baik, ruang memasak yang bersih dan dilengkapi penghawa dingin untuk keselesaan ketika menjalani latihan amali. Lagi satu, keadaan kondusif dalam bengkel yang hanya memuatkan 18 orang MBK... tak padat...emmm emm senang murid hendak bergerak dan dapat membuat kerja dalam situasi tenang.... Faktor ni perlu dikekalkan... kerana pelajar OKU tak sama seperti pelajar biasa. Mereka perlukan ruang yang mencukupi untuk mereka bertindakbalas dengan persekitaran... kalau 15 orang lagi baik rasanya”

kenyataan dari beberapa informan lain;

“Ya.. ya....pada pendapat saya, fasiliti yang disediakan oleh Kolej Komuniti SP sangat lengkap dan selasa digunakan. Saya sangat sokong kalau 15 murid dalam satu kelas.... Dari segi peralatan, murid tidak perlu berkongsi alatan untuk menyediakan produk secara individu atau berkumpulan. Peralatan simpanan seperti peti sejuk dan oven sangat cukup... besar sangat tu.... hehehe...”

Informan tiga (3) berpendapat;

“Selain dari segi peralatan, pencahayaan dan pengudaraan saya tengok cukup dan ok... MBK memerlukan pencahayaan yang cukup agar mereka boleh fokus, air cond pun sejuk..., sistem pengudaraan tidak ada masalah... dan yang best sikit tu... senang nak pantau mereka.. sebab bilik pengajar ditepi dapur sahaja senang untuk proses kawal murid... tandas dan surau pun dekat sahaja... ini semua elemen yang perlu ada untuk kita nak mengurus MBK ini...”

Seterusnya informan 1

“ Bilik ditepi dapur tu cukup baik... saya setuju, dan bilik tu bercermin dan mudah utk kita lihat apa yg mereka lakukan... MBK ni kena special care sikit...”

Dapatan dari informan-informan terhadap aspek fasiliti menunjukkan beberapa faktor yang perlu dititikberatkan bagi menjamin keberkesanan dan kelancaran program MBK ini. Beberapa faktor yang ditemui di dalam perbincangan kumpulan berfokus adalah; a) Bengkel amali mestilah dalam keadaan yang sentiasa kondusif dan bersesuaian dengan jumlah murid; b) peralatan yang diperlukan untuk amali pelajar mencukupi agar perjalanan kelas lancar; c) pencahayaan dan pengudaraan perlu mencukupi dan; d) kemudahan asas seperti tandas, surau berdekatan dengan bengkel agar mudah untuk mengurus MBK ini.

- d) Apakah yang anda dapati tentang pengajaran Modul MBK yang dipelajari oleh pelajar anda semasa belajar Modul Pastrri ini?

Tujuan soalan Modul ini ditanya adalah untuk mengetahui sejauhmanakan modul bagi program ini membantu dalam pengajaran dan pembelajaran MBK ini dan mengetahui faktor-faktor yang perlu ada pada penyediaan modul bagi program rintis MBK ini.

“Pelajar-pelajar bertambah keyakinan untuk menghasilkan produk kerana telah berpengalaman menghasilkannya semasa di Kolej Komuniti SP. Saya lihat, modul yang disusun utk program ini telah disusun mengikut NOSS pastri tahap 2. Nmpak susah jugak kehendak JPK ni... dan.... Saya lihat cara susunan modul ini ... nampak seperti mudah pula. Dan saya rasa ada resepi yang mudah... dan digabungkan dengan resepi yang sederhana. Tetapi jika resepi yang susah.... Menu itu hanya satu sahaja.. tanpa dicampur dengan menu lain.. memudahkan murid... Bagus... dapat mengekalkan suasana kelas yang tenteram.... Betul..”

-

Informan tiga (3) pula menambah di atas makluman diatas;

“Saya mengikuti perjalanan kelas MBK di KKSP ni hampir setiap kali berlangsung, dan saya rasa modul yang disediakan mudah difahami oleh pelajar mengikut langkah demi langkah. Resepinya terperinci....dan cantiknya ada gambar pulak tu ... bagus.. murid ini sangat lemah dalam 3M ni.... Nota resepi secara visual sangat membantu mereka.. Terbaik !!!!”

Dan Informan dua (2) menyokong sambal menambah;

“Saya rasa program MBK ni.... waktu amalnya tidak boleh terlalu panjang kerana murid akan hilang fokus jika masa yang di ambil terlalu panjang. Mungkin kita boleh memendekkan lagi masa jika perlu... tetapi jika proses pembuatan pasti tu memerlukan masa yang sedikit panjang... Tak mengapa... kita teruskan.... Mungkin boleh di ambil perhatian....”

Informan satu (1) cuba membetulkan sedikit fakta masa;

“Saya lihat faktor masa tu dah ok... sebab kita tak boleh nak padatkan masa lagi kerana proses pembuatan pastri mengambil masa... dan cara kita menguruskan dokumentasi juga sangat positif dan perlu diteruskan. Pengumpulan bukti amali disimpan untuk kita guna semasa proses persijilan dan pengiktirafan nanti...”

Dapatan dari informan-informan terhadap faktor modul daripada pelaksanaan program MBK ini disimpulkan melalui beberapa perkara iaitu; a) pengolahan dan susunan modul mengikut keupayaan pelajar; b) Modul yang disediakan adalah *step by step*; c) susunan masa pengajaran dan pembelajaran bagi modul mengikut kesesuaian murid dan; d) pengurusan sistem dokumentasi yang sistematik dan berterusan.

e) Apakah pendapat anda tentang tenaga pengajar yang mengajar Modul MBK di Kolej Komuniti SP?

Tujuan soalan tenaga pengajar ditanya adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan pengajaran yang diajar oleh pensyarah Kolej Komuniti serta mengenalpasti faktor-faktor yang perlu ada pada pengajar untuk mengajar program MBK ini.

Informan dua (2) menyatakan:

“Emmm.... emmm.....Saya nak tekankan disini bahawa....kompetensi tenaga pengajar perlu cukup terampil untuk menggabungkan dua kemahiran iaitu kemahiran mengajar MBK dan kemahiran teknikal dalam bidang pastri. Kalau tidak nanti... susah... masih ada ruang yang boleh kita perbaiki bersama... di KKSP ada pensyarah yang memang mempunyai kemahiran mengajar bidang pastri dan berkelayakan mengajar pelajar khas... rasanya tidak menjadi masalah besar sangat... ya.. ya...”

Informan tiga (3) pula menambah;

“Selain kemahiran psikomotor,..... emm.. tenaga pengajar perlu mengajar secara softskill juga. Seperti kemahiran menjual dan sedikit kerja amali berniaga.... Dan lagi satu penyampaian maklumat dalam kelas saya rasanya jelas dan mudah difahami”.

Dan informan 4 menambah sedikit maklumat;


“Bagi saya... tenaga pengajar perlu mempunyai kelayakan mengajar dalam bidang yang diiktiraf oleh Jabatan Kemahiran Malaysia. Kerana dia tahu selok belok bagaimana hendak dapatkan persijilan MBK kita ini. Tenaga pengajar program ini memang mempunyai tauliah Sijil Kemahiran Malaysia.... Amat bertepatan..”

Dapatan dari informan-informan terhadap faktor keberkesanan tenaga pengajar daripada pelaksanaan program MBK ini disimpulkan melalui beberapa perkara iaitu; a) kompetensi dan ketrampilan tenaga pengajar perlu diberikan keutamaan; b) penerapan kemahiran softskill harus diterapkan; c) tenaga pengajar perlu mempunyai pertauliah dan pengiktirafan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Secara rumusan atas analisis dapatan maklumat hasil dari perbincangan kumpulan berfokus menunjukkan terdapat rangsangan-rangsangan yang positif terhadap program MBK ini menyumbang kepada kesan-kesan yang baik pada diri murid tersebut. Dapatan maklumat dari analisis dirangkumkan di dalam topik kajian seterusnya dengan dicadangkan model pelaksanaan program rintis MBK ini.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Dapatan melalui perbincangan kumpulan berfokus memberi beberapa gambaran faktor yang menjadi asas kepada pelaksanaan *program rintis MBK* di sekolah-sekolah Menengah Pendidikan Khas. Berdasarkan daripada dapatan tersebut, penyelidik mereka bentuk sebuah model rangka latihan bagi pelaksanaan *pengajaran dan pembelajaran MBK* di sekolah-sekolah Menengah Pendidikan Khas. Merujuk kepada model 1 di bawah, informan-informan menyarankan agar perjalanan program MBK ini beroperasi secara berstruktur dengan cadangan faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian agar program ini menempa kejayaan dan memberi pengalaman yang sangat berharga kepada murid-murid tersebut.



Model 1.0: Model Pelaksanaan Program Rintis MBK

Model 1 di atas dibina hasil daripada rumusan perbincangan berfokus empat guru dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang terlibat dalam program Murid Berkeperluan Khas (MBK). Program MBK secara berkolaborasi di antara Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu dengan Kolej Komuniti Sungai Petani dilihat sebagai program perintis bagi menyahut ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pelaksanaan matapelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) bagi Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Faktor-faktor di dalam model 1 di atas menunjukkan hubungkait pembolehubah terhadap kejayaan program rintis MBK ini. **Impak** yang tercapai daripada program ini berlaku dari **Hasil** yang dicapai oleh pelajar melalui rangsangan **Tenaga Pengajar, Modul** dan **Fasiliti**.

a) Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar merupakan elemen yang penting dalam model pelaksanaan program rintis MBK ini. Kompetensi tenaga pengajar perlu di titikberatkan dan perlu dibuat pemilihan yang tepat mengikut kehendak modul NOSS. Kompetensi tenaga pengajar seharusnya mempunyai dua elemen penggabungan dan kemahiran iaitu kemahiran mengajar Murid Berkeperluan Khas dan Kemahiran Teknikal contohnya; untuk membuat produk biskut murid perlu mencanai mengikut ketebalan yang sama tetapi Murid Berkeperluan Khas yang lemah dari segi psikomotor memerlukan tenaga pengajar menyediakan peralatan atau ukuran yang tepat untuk murid MBK supaya dapat mengeluarkan produk yang berkualiti semasa proses amali. Ini adalah gabungan yang mana 2 jenis kemahiran dalam menangani masalah Murid Berkeperluan Khas dan juga dalam masa yang sama produk dapat di keluarkan mengikut kemahiran yang di ajar.

Selain itu keupayaan tenaga pengajar bukan sahaja terletak hanya kepada pengetahuan atau kemahiran dalam mengendalikan MBK tetapi juga dapat menerapkan kemahiran insaniah dan *soft skill* seperti kemahiran komunikasi dan keusahawanan. Seharusnya, tenaga pengajar perlu mahir dalam mengendali dan menyusun tatacara kerja agar mudah untuk di fahami oleh MBK. Penyampaian maklumat dalam kelas perlulah jelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Mahir dalam bidang kemahiran khususnya pastrri dan mempunyai kelayakan mengajar dalam bidang yang diiktiraf oleh Jabatan Kemahiran Malaysia sangat di utamakan.

b) Modul

Modul bagi MBK ini telah disusun mengikut keperluan NOSS Jabatan Kemahiran Malaysia Pastrri tahap 2. Penyusunan ini berdasarkan kemampuan murid dalam menyediakan sesuatu produk. Selain itu modul di bahagikan kepada tiga bahagian iaitu resepi yang mudah, sederhana dan tahap susah serta diolah mengikut kemampuan murid.

Waktu amali tidak boleh terlalu panjang ini kerana murid akan hilang fokus jika masa yang di ambil terlalu panjang. Pertimbangan juga perlu dilakukan apabila melibatkan pengajaran dan pembelajaran penghasilan produk yang mengambil masa yang lebih dan tidak dapat dielakkan.

Resepi yang di berikan kepada murid perlulah terperinci kerana MBK ini akan mengikuti apa yang terdapat di dalam resepi dengan teliti contohnya; kebanyakan MBK ini lemah dari segi Kognitif iaitu kurang menguasai 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira, oleh yang demikian resepi yang di berikan perlulah lebih kepada resepi berbentuk visual, dan disertakan langkah-langkah penyediaan sesuatu produk. Melalui langkah bergambar, MBK lebih mudah untuk memahami dan melakukan amali di dalam kelas.

Selain itu, modul seharusnya perlu dilengkapi dengan kaedah susunan dan simpanan maklumat yang di gunakan lebih teratur dan tersusun untuk memudahkan proses pengiktirafan SKM PASTRI TAHAP 2 kepada murid yang kompeten. Segala maklumat dan resepi yang di beri akan di kumpulkan dan di dokumentasikan untuk memudahkan murid-murid untuk mempraktik dalam menyediakan produk yang di pelajari.

c) Fasiliti

Fasiliti yang terdapat di bengkel masakan pastrri harus memenuhi speksifikasi yang telah di tetapkan oleh Jabatan kemahiran Malaysia. Bengkel pastrri yang kondusif mampu memuatkan seramai 15 orang murid pada satu masa. Bagi Program rintis ini seramai 18 orang MBK yang terlibat justeru itu fasiliti yang

disediakan. Walaupun begitu, fasiliti masih lagi mencukupi. Murid tidak perlu berkongsi alatan untuk menyediakan produk di dalam kelas amali yang di minta untuk menyediakan produk samada secara individu ataupun berkumpulan. Selain daripada peralatan kecil yang mencukupi, aset-aset peralatan besar seperti ketuhar, peti sejuk, sejuk beku mencukupi untuk menyimpan atau menyejukkan produk. Tidak harus dilupakan juga tentang aspek pengcahayaan dan pengudaraan di dalam bengkel amat memainkan peranan yang penting kepada MBK. Adalah disarankan bahawa bengkel seharusnya di lengkapkan dengan penghawa dingin yang mana ia merupakan salah satu spesifikasi yang perlu ada didalam bengkel pastri. Juga, ruang untuk tenaga pengajar memberi taklimat kepada murid MBK bersebelahan dengan bengkel amali pastri, yang mana pelajar tidak perlu bergerak jauh dari satu tempat ke tempat yang lain. Selain itu kemudahan fasiliti asas seperti tandas dan surau perlu dipastikan agar memudahkan murid MBK bergerak.

d) Hasil

Hasil berlaku disebabkan ketiga faktor rangsangan diatas yang menjurus kepada beberapa penemuan melalui pemerhatian guru. Output hasil tersebut boleh dilihat melalui;

i) Keupayaan untuk berinteraksi dalam kumpulan dan persekitaran.

Murid Berkeperluan Khas (MBK) mempunyai pergaulan yang terhad dalam komuniti. Hal ini kerana, sebilangan mereka didiagnos dengan Autisme dan mereka sering berada dalam dunia mereka sendiri. Kebanyakan murid Autisme ini tidak menyukai perubahan persekitaran yang dialami. Namun begitu, setelah mengikuti tiga siri kelas pastri bermodul MBK ini, murid-murid ini mulai nampak berasa selesa dan menunjukkan perubahan yang positif, mereka mula bergaul dan melakukan aktiviti dalam kumpulan yang bergabung antara tiga buah sekolah yang terlibat. Mereka mula berinteraksi dan bekerjasama untuk menyempurnakan langkah kerja yang terkandung dalam WIM kertas kerja yang diberikan. Keselesaan mereka melaksanakan amali terserlah apabila MBK berjaya menghasilkan produk pastri secara berkumpulan dan mereka kini lebih serasi dengan persekitaran luar yang baru buat mereka.

ii) Keupayaan menguruskan sikap yang baik dalam komuniti.

Murid Berkeperluan Khas sering menghadapi masalah dalam pengurusan diri dan persekitaran. Mereka memerlukan bantuan dan tunjuk ajar bagi menguruskan sesuatu pekerjaan. Dengan menyertai program rintis ini, MBK diajar cara untuk membersihkan peralatan dan bengkel masakan setelah menggunakannya. Hal ini dapat melatih MBK lebih berdisiplin dan boleh menguruskan diri dengan lebih baik. Ia juga dapat memupuk sikap menghargai dan tanggungjawab terhadap fasiliti yang disediakan oleh pihak kolej. MBK lebih berhati-hati menggunakan peralatan dan bahan berlebihan tidak akan dibuang sesuka hati bahkan mereka akan membawa pulang untuk digunakan dalam amali disekolah. Ini memupuk jiwa murid-murid agar bertimbang rasa dan bertoleransi dengan sesama mereka serta berhubung dengan sesama komuniti.

iii) Keupayaan mengenal peralatan mengukur dan menyediakan bahan dengan baik

Sebelum menyertai program rintis MBK, murid tidak mengenali sebahagian peralatan dan bahan untuk kegunaan produk pastri. Sebahagian murid tidak pernah melihat dan mengetahui cara penggunaan peralatan dengan betul. Menerusi kelas pastri bermodul ini, MBK diajar oleh tenaga pengajar untuk mengenali peralatan dan bahan untuk penghasilan produk pastri. Justeru itu, hasil dari beberapa kelas bermodul yang diikuti, mereka mampu mengenal dan menggunakan peralatan pastri dengan betul ditambah dengan penggunaan gambarajah yang terdapat dalam langkah kerja WIM pastri. Gambarajah peralatan dan bahan ini banyak membantu mereka mengenal dan mengingati peralatan dan bahan dengan lebih mudah kerana daya ingatan mereka yang terhad. Kini, setelah menyertai selama setahun program rintis, mereka sudah mengenal jenis tepung, dan bahan kering untuk menyediakan produk pastri. Mereka juga mengenali alatan dan dapat menggunakannya dengan betul.

Murid berkeperluan Khas ini juga terdiri daripada murid kefungsi sederhana dimana mereka mempunyai kesukaran dalam 3M (membaca, menulis dan mengira). MBK juga mempunyai kelemahan dalam menaakul kuantiti bahan dan membezakan jenis pengukuran menyebabkan mereka sering lupa unit timbangan dan tidak mengetahui cara yang betul untuk menyukat bahan. Hasilnya sesuatu aktiviti amali yang dijalankan sering kali tidak berhasil. Pendedahan MBK terhadap program rintis ini membolehkan murid men-

guasai ilmu pengukuran yang betul. Mereka lebih berkeyakinan menggunakan alatan penimbang digital dan proses ini memudahkan urusan penyediaan bahan penghasilan produk.

iv) Keupayaan untuk mencuba menghasilkan produk

Setelah selesai kelas bermodul ini yang juga dikenali sebagai program rintis MBK murid mula menghasilkan produk yang dipelajari dengan melakukan latihan amali secara konsisten dan melalui latihan tubi di sekolah. Hal ini disebabkan kerana, MBK secara amnya mempunyai daya ingatan yang terhad dan hanya boleh menerima sesuatu pelajaran sekiranya dilakukan secara kerap dan berkali-kali. Kebolehan menghasilkan sendiri produk pastri ini menunjukkan bahawa hasil program rintis ini berjaya membawa perubahan terhadap MBK. Penyediaan bahan mentah disediakan oleh guru matapelajaran dan MBK hanya perlu menjalankan proses langkah kerja seperti yang terkandung dalam WIM kertas kerja. Tempoh penyediaannya yang dahulunya mengambil masa yang lebih lama dapat disingkatkan sedikit daripada proses dahulunya. Kebiasaannya penghasilan produk mengambil masa minimum tiga waktu pdpc iaitu selama dua jam dan sebanyak tiga puluh bekas pai ayam atau Sembilan puluh biji cream puff berjaya dihasilkan oleh setiap kumpulan murid. Kepuasan MBK terserlah diwajah mereka setelah mereka berjaya menghasilkan sendiri produk walaupun sedikit penat dengan langkah kerja yang dilakukan.

e) Impak

Impak akan tercapai atas berlakunya hasil dari rangsangan positif di dalam program MBK ini. Kesan Impak ini selayaknya di tumpukan kepada murid-murid tersebut yang akan memberi kesan dan pengalaman diri untuk meneruskan kehidupan sosial dan ekonomi. Antara impak yang dikesan berlaku kepada murid-murid ini adalah;

i) Agen perubahan rakan sebaya

Pendedahan dalam menyertai pameran secara konsisten, dapat memberi pencerahan ilmu dan impak positif bidang pembuatan pastri terhadap MBK yang lain. Hal ini kerana, rakan sebaya yang menghadiri pameran pastri ini akan menambahkan lagi ilmu dan minat untuk menceburi bidang ini. MBK menjadi agen perubahan kepada rakan sebaya mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan juga membuka suatu dimensi baru bahawa dengan pendidikan MBK mampu untuk merubah masa depan dan mampu untuk berdikari sendiri. Mereka juga menjadi medium penyebaran ilmu dengan menyalurkan maklumat kepada komuniti melalui keadaan OKU khususnya berkeperluan khas. Hal ini akan menambahkan lagi keyakinan mereka untuk berinteraksi dan menyampaikan ilmu kepada komuniti. Mereka ini dijadikan role model kepada MBK lain untuk berjaya pada masa hadapan.

ii) Penghasilan Produk sendiri di Sekolah.

Setelah menghadiri program rintis ini, MBK telah menjalani latihan amali untuk menghasilkan produk pastri dalam waktu pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) disekolah. Latihan amali ini mengikut jadual waktu KSSMPK dalam waktu Kemahiran Vokasional Spesifik iaitu sebanyak 28 waktu seminggu. Impaknya, MBK ini dapat menghasilkan produk-produk pastri dengan baik. Antara produk yang dihasilkan adalah pai ayam, pai tuna, cream puff dan puding coklat berkeju. Semua penghasilan ini dilakukan sendiri oleh MBK dan dipantau oleh guru. Amali yang konsisten ini meningkatkan kebolehan MBK untuk menghasilkan lebih banyak kuantiti produk hari demi hari. Rangsangan terhadap kemahiran kerja tangan telah menampak hasil dan MBK dapat menerima corak kerja pastri ini dengan baik.

iii) Rangsangan Keusahawanan

Produk yang dihasilkan oleh MBK disekolah akan dipasarkan secara kecil-kecilan dalam komuniti sekolah dan Daerah. MBK menghasilkan sekurang-kurangnya tiga puluh biji pai ayam yang dijual dengan harga RM5 sebekas dalam sesuatu masa. MBK memasarkan produk mereka dengan mengambil tempahan dari guru disekolah dan tempahan menerusi pesanan Whatsapps dari sekolah lain. Penghantaran setiap pesanan dilakukan oleh MBK sendiri dalam kawasan sekolah dan untuk tempahan luar, guru berkaitan akan menghantar setelah tamat waktu sekolah. Ada juga pelanggan datang terus ke dapur pastri untuk mengambil

tempahan mereka disamping melihat sendiri MBK menghasilkan produk pastri. Penjualan produk ini membolehkan MBK mempelajari bidang keusahawanan dari segi cara pemasaran produk dan pengiraan modal dan keuntungan. Murid juga terdedah dengan transisi kerjaya dimana mereka berupaya mencari sumber pendapatan kelak apabila telah tamat persekolahan.

iv) Galakan Inovasi

Setiap tahun, pelbagai pertandingan inovasi akan dipertandingkan dan ia menimbulkan minat murid MBK untuk menyertai pertandingan tersebut. Dengan kemahiran dan bimbingan, MBK dapat menjana idea mengeluarkan produk pastri dengan lebih efisien dengan inovasi-inovasi yang direka khas. Dengan inovasi ini juga, MBK dapat mengembangkan bakat serta kebolehan mereka setanding dengan insan normal yang lain. Mereka akan merasai pengalaman menyertai pertandingan dan dapat melebarkan lagi jaringan perhubungan dengan pelbagai agensi sekaligus menjadikan mereka diterima dalam masyarakat dan komuniti.

Kesimpulan

Penjelasan model di atas berdasarkan kepada perbincangan kumpulan berfokus memberi satu tanda arah bagi perancangan, pelaksanaan, hasil dan impak dalam pelaksanaan program MBK yang seharusnya dipraktikkan disemua sekolah Pendidikan Khas. Dengan terhasilnya model kerangka kerja ini maka semua sekolah pendidikan khas di bawah bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat melaksanakan program MBK mengikut garis panduan yang dicadangkan oleh kajian ini.

Perjalanan pengajaran dan pembelajaran serta pengoperasian program ini perlu didokumentasikan di peringkat sekolah agar segala bukti ketrampilan pelajar dapat ditunjuk dan boleh digunakan sebagai dokumen penilaian, sokongan serta nota individu yang berguna semasa proses pengiktirafan dan persijilan kelak.

Kejayaan program MBK ini adalah terletak kepada tiga faktor rangsangan iaitu Tenaga Pengajar, Modul dan Fasiliti yang menghasilkan perkembangan yang positif seterusnya mencapai impak yang relevan pada murid tersebut. Model ini boleh dijadikan asas kepada penyusunan, perancangan dan pelaksanaan di sekolah dan boleh disesuaikan melalui penambahan faktor, cara implementasi serta perubahan impak dan sebagainya yang akan menambahkan serta mengukuhkan lagi program MBK di masa hadapan.

Penutup

Penemuan model kerangka kerja ini diharapkan dapat membantu guru, sekolah dan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjalankan program MBK ini dengan lebih seragam, sistematik dan berstruktur. Kejayaan dalam melaksanakan program akan menghasilkan impak yang cukup besar kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk menghadapi masa depan mereka dengan lebih baik.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai satu sumbangan kepada pembangunan sumber modal insan Negara Berkeupayaan Khas.

DAFTAR RUJUKAN

- Abdullah, S. (2017). *Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmad, N. A., & Abu Hanifah, N. (2015). Special Education Teacher's Level Of Knowledge In dealing With Learning Disabilities Student. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 73–88.
- Amran, H. A., Majid, Abd, R., & Mohd.Ali, M. (2019). Challenges For Special Education Teachers In 21th Century. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 113-122.

- Bakar, A. (2019). Technical Vocational Education & Training (Tvet) in Malaysia : Selected Works. Retrieved from [http://mycc.my/document/files/PDF Dokumen/Technical Vocational Education %26 Training \(TVET\) in Malaysia Selected Works.pdf](http://mycc.my/document/files/PDF%20Dokumen/Technical%20Vocational%20Education%20Training%20(TVET)%20in%20Malaysia%20Selected%20Works.pdf)
- Che Hassan. Sarimah, Mahamad . Armanurah, & Md Noor ,Amir. (2013). Potensi Kolej Komuniti Sebagai Wadah Pembentukan ‘ Majikan ’ Lestari. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII (PERKEM VIII)*, 2, 880–8
- Che Rose. (2017). Pendidikan tinggi penuhi acuan industri _ Kolumnis _ Berita Harian.
- Hassan, R. (2019, April 15). BH Online. Retrieved from Berita Harian: [www.bharian.com.my/kolumnis /2019/04/553135/jenamakan-tvet-dengan-acuan-kita](http://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/553135/jenamakan-tvet-dengan-acuan-kita)
- Heward, W. L., & Ohio, T. (2015). Ten Faulty Notions About Teaching and Learning That Hinder the Effectiveness of Special Education. *The Journal of Special Education*, 36(4), 186–205.
- Ibrahim, R., Yasin, M. H., & Abdullah, N. (2016). Education Choice among Student with Learning Disabilities. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 3(2), 152-161.
- Ismail, A., & Hassan, R. (2013). Issues and Challenges of Technical and Vocational Education & Training in Malaysia for Knowledge Worker Driven. *National Conference on Engineering Technology 2013* (pp. 1-11). Johor: Researchgate.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran;. (2020). Jabatan Pembangunan Kemahiran. Retrieved 2020, from JPKV: <https://www.dsd.gov.my/jpkv4/index.php/my/apa-itu-noss>
- JPPKK. (2019). Amanat Ketua Pengarah 2019. Retrieved from Hyperlink "<http://www.pmm.edu.my/index.php/arkib/662-majlis-amanat-tahun-baharu-2019-ketua-pengarah-jppkk>"<http://www.pmm.edu.my/index.php/arkib/662-majlis-amanat-tahun-baharu-2019-ketua-pengarah-jppkk>
- Kementerian Kewangan. (2019). Belanjawan 2020. BH Online. Retrieved from Berita Harian: www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/616535/inti-pati-belanjawan-2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas. Putrajaya: bahagian Pendidikan Khas, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Konsep Program Pendidikan Inklusif. Putrajaya. Retrieved from www.moe.gov.my/pekeliling/pendidikan-khas/926-bpkhasinklusifprogram/file
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education) Ministry of Education Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Rangka Kerja TVET 4.0. Retrieved from Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti : www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/penerbitan/download/2-penerbitan/110-rangka-kerja-tvet-4-0-2018-2025
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Garis Panduan Program Transisi Ke Kerjayamurid Berkeperluan Khas (Mbk). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malik, M. (2019). Amanat Menteri Pendidikan Malaysia. Teks Ucapan. Putrajaya. Retrieved from [www.moe.gov.my/images/KPM/UKK/2019/05_Mei /Teks_Ucapan_YBM_Perhimpunan_KPM_Setahun_PH.pdf](http://www.moe.gov.my/images/KPM/UKK/2019/05_Mei_YBM_Perhimpunan_KPM_Setahun_PH.pdf)
- Mohamad, J. (2019). pelaksanaan-program-pendidikan-inklusif-model-holistik-murid-berkeperluan-khas-mbk-secara-berperingkat-peringkat-mulai-tahun-2020. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Nasir, S. N. (2016). Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP). UTHM, Skudai, Johor.
- Muhamad Hanafi, N., Lebar, O., & Abdullah, E. M. (2009). Teori Pembelajaran Dan Kaitannya Dengan Pentaksiran: Dari Perspektif Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009* (pp. 1-15). Kuala Lumpur: UTHM.

- My GOV Portal. (2019). Malaysia Government Portal. Retrieved from My GOV: www.malaysia.gov.my/portal/content/30320?language=my
- Nasri, M. S., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional Dan Pendidikan Khas. Retrieved from http://eprints.utm.my/id/eprint/14948/1/Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan_Memperkasakan_Peranan_Pendidikan_Teknik-eprint8.pdf
- Nordin, K. (2011). Amanat Tahun Baharu 2011. 1–51. Retrieved from <http://ewarga4.ukm.my/ewarga/pdf/012011/19-81-1.pdf>
- Omar, ., A., & Sulaiman, S. (2018). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran Di Malaysia Satu Tinjauan. Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018 (pp. 32-40). Terengganu: Unisza.
- Peterson, J. S. (2015). Addressing Counseling Needs of Gifted Students. Retrieved from Researchgate: <https://www.researchgate.net/publication/234749309>
- Sarabatin, M. A. (2020, January 31). BH Online. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/573716/memperkasa-murid-berkeperluan-khas>
- Shaharum, S. N., & Rosli, R. (2018). Tahap Pengetahuan Tiga Orang Pelajar Berkeperluan Khasmasalah Pembelajaran(Lembam) dalam Penambahan Nombor Bulat. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (pp. 165-172). Kuala Lumpur: Universiti Melaya.
- UNESCO. (2016). Strategy for Technical and Vocational Education and Training. International Centre for Technical and Vocational. UNEVOC. Retrieved from : [/unevoc.unesco.org/go.php?q=UNESCO+TVET+Strategy+2016-2021](http://unevoc.unesco.org/go.php?q=UNESCO+TVET+Strategy+2016-2021)
- Yusof, A. M., Mohd Ali, M., & Mohd Salleh, A. (2013). Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR (pp. 1189-1196). Penang: WorldConferences.net.